

BERITA HARIAN

DATE: 30/08/2007

Usaha memantapkan pengangkutan awam

BH-30/8/2007

Struktur tambang dikaji seiring pelaksanaan langkah baru: PM

Oleh Wan Hazmir Bakar

PUTRAJAYA: Kerajaan akan mengkaji struktur tambang semua pengangkutan awam seiring pelaksanaan langkah baru menjadikan perkhidmatan itu lebih moden, selesa dan selamat, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Sehubungan itu, Perdana Menteri berharap semua pihak akan menerima keputusan kerajaan selepas penilaian teliti dilakukan.

"Kena kaji dulu, tengok apakah yang sesuai. Selepas dikaji dan dibincang dengan baik, saya harap ia diterima baik pengusaha dan penumpang...itulah cara kita," katanya pada Himpunan Pengangkutan Awam 2007 sempena 50 Tahun Merdeka di Dataran Perdana, di sini, semalam.

Abdullah yang juga Menteri Kewangan menjelaskan pengumuman Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Mohamed Khaled Nordin, berhubung kajian struktur tambang itu ketika menyampaikan ucapan aluannya sebelum itu.

Abdullah juga menasihatkan pengusaha pengangkutan awam, khususnya bas dan teksi memberikan

perkhidmatan terbaik, jujur dan selamat kepada rakyat dan pelancong.

Perdana Menteri berkata, sebagai penyedia perkhidmatan yang sangat diperlukan rakyat dan pelancong, mereka perlu memberi keutamaan kepada keselamatan di jalan raya dengan mematuhi undang-undang.

Merujuk ikrar dilafazkan 1,200 pemandu teksi dan bas pada awal majlis itu, beliau meminta mereka mengotakan janji itu supaya rakyat mendapat perkhidmatan pengangkutan awam terbaik dan selamat.

Pada sidang media, Mohamed Khaled menegaskan cadangan yang dikemukakan kepada mesyuarat Kabinet semalam tidak bermakna kadar tambang perkhidmatan awam seperti bas ekspres dan teksi akan dinaikkan.

Malah, kadar tambang sekarang akan dikekalkan jika pelaksanaan langkah baru tidak menyebabkan kenaikan kos.

"Kita tidak boleh nafikan bahawa kadar tambang bas dan teksi di Malaysia adalah terendah. Kita akan kaji sama ada ini menjadi antara sebab menyekat usaha meningkatkan perkhidmatan.

"Kita nak imbangi keperluan pengguna dan kemampuan pengusaha," katanya dan menambah tiada tempoh ditetapkan bagi kajian Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) itu yang akan mengambil kira segala faktor, termasuk perubahan semasa harga minyak.

Mohamed Khaled berkata, kementerian akan melaksanakan lapan langkah baru, termasuk memperketatkan syarat kelayakan lesen baru dan membaharui lesen berasas kemampuan pengurusan syarikat, pe-

lan keselamatan dan pengurusan pemandu.

Katanya, semua syarikat bas perlu mempunyai Sistem Pengurusan Kenderaan supaya bukan saja mematuhi syarat lesen, tetapi semua aspek termasuk kadar upah pemandu dan pawaian keselamatan penumpang dan bas yang akan turut diperkenalkan.

"Kita juga melaksanakan Sistem Profil Pemandu dengan hanya pemandu berusia bawah 55 tahun, mempunyai kesihatan baik dan bebas daripada jenayah diambil bekerja," katanya.

Mohamed Khaled berkata, bas ekspres juga diwajibkan menjalani pemeriksaan khas di Puspakom setiap enam bulan bagi menggantikan pemeriksaan biasa pada masa ini bagi bas ekspres melebihi tiga tahun.

"Kita juga mewujudkan jalinan pangkalan data antara LPKP, polis dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), sistem pemantauan bas ekspres termasuk penggunaan Sistem Kedudukan Global (GPS), sistem e-tiket bagi menggantikan sistem tiket manual, meningkatkan pemantauan dan penguatkuasaan terhadap syarikat bas ekspres," katanya.

FAKTA NOMBOR

Himpunan Pengangkutan
Awam 2007

1,200

Pemandu teksi, bas hadir

40

Persatuan